

Headline	TH serah zakat RM3.45 juta kepada ZPP		
MediaTitle	Sinar Harian		
Date	27 Aug 2020	Color	Full Color
Section	Nasional	Circulation	140,000
Page No	26	Readership	420,000
Language	Malay	ArticleSize	266 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 5,639
Frequency	Daily	PR Value	RM 16,918



## TH serah zakat RM3.45 juta kepada ZPP

**GEORGETOWN** - Lembaga Tabung Haji (TH) menyerahkan zakat berjumlah RM3.45 juta bagi tahun kewangan berakhir 2019 kepada Zakat Pulau Pinang (ZPP) semalam.

Pengarah Eksekutif (Haji) TH, Datuk Seri Syed Saleh Syed Abd Rahman berkata, bayaran zakat bagi Pulau Pinang mencatatkan peningkatan berbanding 2018 iaitu sebanyak RM3.4 juta.

Menurutnya, setiap tahun, pihaknya melaksanakan bayaran zakat yang merupakan sebahagian tanggungjawab TH seba-

gai organisasi Islam.

“Kita berharap dengan pembayaran zakat ini dapat dimanfaatkan ZPP ke arah kemampaman program zakat yang dirangka di negeri ini bagi kelestarian ekonomi golongan asnaf,” katanya dalam satu kenyataan semalam.

Beliau berkata, jumlah keseluruhan pembayaran zakat TH di Pulau Pinang bagi 2019 mencatatkan peningkatan dengan RM86.19 juta berbanding RM85.6 juta bagi 2018.

“Tahun ini, TH memperkasakan lagi tanggungjawab dengan pelaksanaan program zakat

kepada golongan memerlukan melalui penganjuran program pendidikan, kebajikan dan kemasyarakatan,” katanya.

Terdahulu, zakat tersebut diserahkan Syed Saleh kepada Yang di-Pertua Negeri Pulau Pinang, Tun Abdul Rahman Abbas di kediaman rasmiya, Sri Mutiara.

Turut hadir, Pengurus Ahli Lembaga Pengarah ZPP, Datuk Ahmad Zakiyuddin Abdul Rahman; Ketua Pegawai Eksekutif ZPP, Amran Hazali dan Mufti Pulau Pinang, Datuk Dr Wan Salim Wan Mohd Noor.



Syed Saleh (dua dari kiri) menyerahkan zakat berjumlah RM3.45 juta kepada Abdul Rahman semalam.